

Kempen JomPAY 2016/2017

Terma dan Syarat (“Terma”)

1. Definisi

“Bank”	bermaksud CIMB Bank Berhad (No. Syarikat: 13491-P) dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad (No. Syarikat: 671380-H).
“Kod Biller”	bermaksud nombor pengenalan unik yang ditetapkan untuk setiap Biller yang Mengambil Bahagian.
“Kempen”	bermaksud Kempen Industri JomPAY.
“Tempoh Kempen”	bermaksud tempoh yang dinyatakan dalam Jadual 2.
“Peserta yang layak”	bermaksud mana-mana individu atau bukan individu yang melaksanakan Transaksi JomPAY semasa Tempoh Kempen dengan mana-mana Biller yang Mengambil Bahagian.
“Penyertaan yang Layak”	bermaksud penyertaan yang dinyatakan dalam Klausula 2.
“JomPAY”	bermaksud inisiatif nasional yang disokong oleh Bank yang Mengambil Bahagian untuk membolehkan pembayaran bil dan/atau invois atas talian di seluruh Malaysia.
“Transaksi JomPAY”	bermaksud pembayaran bil dan/atau invois yang berjaya dilaksanakan melalui JomPAY semasa Tempoh Kempen.
“Bank yang Mengambil Bahagian”	bermaksud bank yang boleh menerima pembayaran JomPAY daripada semua bank.
“Biller yang Mengambil Bahagian”	bermaksud senarai pembekal perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual 1.
“Hadiah”	bermaksud hadiah yang dinyatakan dalam Jadual 2.
“Ejen Perkhidmatan”	bermaksud ejen perkhidmatan yang dilantik oleh Bank berkaitan Hadiah.
“Pemenang Terpilih”	bermaksud Peserta yang Layak yang disenaraipendekkan untuk memenangi Hadiah.

2. Terma Kempen

- a) Kempen ini terbuka kepada semua Peserta yang Layak semasa Tempoh Kempen.
- b) Setiap transaksi JomPAY memberi Peserta yang Layak satu (1) penyertaan.

3. Pemilihan Pemenang

(a) Hadiah Bulanan

- i. Kesemua Penyertaan yang Layak akan dikumpulkan pada setiap akhir bulan semasa Tempoh Kempen untuk Hadiah Bulanan. Pemenang Terpilih akan ditentukan oleh sistem pemilihan automatik Bank.
- ii. Biller yang Mengambil Bahagian akan menjadi pihak yang menghubungi Pemenang terpilih melalui telefon berdasarkan rekod Biller yang Mengambil Bahagian antara 9 pagi hingga 5 petang, dari Isnin hingga Jumaat. Pemenang Terpilih akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul, sebelum mereka layak untuk memenangi Hadiah Bulanan. Untuk mengelakkan keraguan, Biller yang Mengambil Bahagian hanya akan membuat tiga (3) percubaan panggilan telefon kepada Pemenang Terpilih.

- iii. Jika Pemenang Terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab atau gagal menjawab semua soalan dengan betul sepertimana ditentukan sepenuhnya oleh Biller yang Mengambil Bahagian, Pemenang Terpilih dianggap telah melucutkan hak peluang untuk memenangi Hadiah Bulanan dan Biller yang Mengambil Bahagian berhak secara mutlak dan mengikut budi bicaranya untuk menghubungi Pemenang Terpilih yang seterusnya.
- iv. Pemenang Terpilih yang terpilih sebagai pemenang, mestilah mengesahkan persetujuan mereka untuk menerima Hadiah Bulanan melalui pengesahan bertulis dalam tempoh masa dua (2) hari bekerja dari tarikh penerimaan e-mel notis, yang dihantar oleh Biller yang Mengambil Bahagian, jika gagal, Bank berhak untuk membatalkan Hadiah Bulanan.
- v. Hadiah Bulanan akan dihantar kepada Pemenang Terpilih mengikut maklumat yang diberikan oleh Biller yang Mengambil Bahagian kepada Bank.
- vi. Pemenang Terpilih perlu memastikan bahawa mereka tidak akan melanggar mana-mana undang-undang, terutamanya polisi larangan pemberian hadiah dan akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, prosiding, liabiliti, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada tindakan mereka menerima Hadiah Bulanan daripada Bank.
- vii. Hadiah Bulanan akan dihantar dalam masa 30-45 hari bekerja dari tarikh penerimaan bertulis pengesahan yang dirujuk dalam Klausula 3(a)(iv) oleh Bank daripada Biller yang Mengambil Bahagian.

(b) Hadiah Utama

- i. Semua Penyertaan yang Layak akan dikumpulkan di akhir Tempoh Kempen bagi Hadiah Utama. Pemenang Terpilih akan ditentukan oleh sistem pemilihan automatik Bank.
- ii. Biller yang Mengambil Bahagian akan menjadi pihak yang menghubungi Pemenang terpilih melalui telefon berdasarkan rekod Biller yang Mengambil Bahagian antara 9 pagi hingga 5 petang, dari Isnin hingga Jumaat. Pemenang Terpilih akan dikehendaki menjawab dua (2) soalan dengan betul, sebelum mereka layak untuk memenangi Hadiah Utama. Untuk mengelakkan keraguan, Biller yang Mengambil Bahagian hanya akan membuat tiga (3) percubaan panggilan telefon kepada Pemenang Terpilih.
- iii. Jika Pemenang Terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab atau gagal menjawab semua soalan dengan betul sepertimana ditentukan sepenuhnya oleh Biller yang Mengambil Bahagian, Pemenang Terpilih dianggap telah melucutkan hak peluang untuk memenangi Hadiah Utama dan Biller yang Mengambil Bahagian berhak secara mutlak dan mengikut budi bicaranya untuk menghubungi Pemenang Terpilih yang seterusnya.
- iv. Pemenang Terpilih yang terpilih sebagai pemenang, mestilah mengesahkan persetujuan mereka untuk menerima Hadiah Utama melalui pengesahan bertulis dalam tempoh masa dua (2) hari bekerja dari tarikh penerimaan e-mel notis, yang dihantar oleh Biller yang Mengambil Bahagian, jika gagal, Bank berhak untuk membatalkan Hadiah Utama.
- v. Hadiah Utama akan dihantar kepada Pemenang Terpilih mengikut maklumat yang diberikan oleh Biller yang Mengambil Bahagian kepada Bank.
- vi. Pemenang Terpilih perlu memastikan bahawa mereka tidak akan melanggar mana-mana undang-undang, terutamanya polisi larangan pemberian hadiah dan akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan, prosiding, liabiliti, ganti rugi, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada tindakan mereka menerima Hadiah Utama daripada Bank.
- vii. Hadiah Utama akan dihantar dalam masa 30-45 hari bekerja dari tarikh penerimaan bertulis pengesahan yang dirujuk dalam Klausula 3(b)(iv) oleh Bank daripada Biller yang Mengambil Bahagian.

4. Penebusan Hadiah

- a) Sebagai tambahan pada Terma ini, Hadiah juga adalah tertakluk pada terma dan syarat yang dikenakan oleh Pembekal Perkhidmatan. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun berhubung dengan perkhidmatan atau hasil penggunaan perkhidmatan tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan atau ketepatan, atau kualiti perkhidmatan).

- b) Setakat yang dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, Bank tidak memikul apa-apa tanggungjawab dan liabiliti yang timbul daripada apa-apa penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan terhadap butiran hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan munasabah Bank dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran mana-mana Ejen Perkhidmatan.
- c) Bank tidak menawarkan apa jua jaminan atau perwakilan, secara jelas, tersirat atau berkanun, berhubung dengan Kempen ini, Hadiah-hadiah, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kualiti yang boleh diperdagangkan dan kesesuaian untuk tujuan hadiah dan tahap penjagaan dan kemahiran berkenaan dengan perkhidmatan yang disediakan dengan hadiah.
- d) Bank tidak menanggung sebarang liabiliti sekiranya pemenang tidak dapat menggunakan hadiah-hadiah atas apa jua sebab, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebab-sebab yang timbul daripada pelanggaran terma yang dinyatakan bagi hadiah. Pemenang Terpilih dengan ini bersetuju untuk mengambil bahagian dalam semua publisiti yang disertakan atau akibat daripada penganugerahan hadiah.
- e) Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan tiada penggantian untuk Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak.
- f) Bank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan hadiah lain yang setara nilai dengannya tanpa notis terdahulu.
- g) Semua Hadiah yang tidak dituntut akan dibatalkan dan sebarang pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Bayaran balik tidak akan diberikan untuk sebarang Hadiah yang tidak dituntut. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap kos pengangkutan yang berkaitan dengan pengambilan dan/atau penghantaran Hadiah. Semua cukai, caj dan kos sampingan dalam hal ini hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang Terpilih.
- h) Semua Hadiah akan diserahkan dalam apa-apa cara yang ditentukan oleh Bank secara tunggal.
- i) Bagi mengelakkan keraguan, semua hadiah adalah ditawarkan oleh CIMB Bank Berhad dan CIMB Islamic Bank Berhad secara kolektif dan bukan individu.
- j) Apa-apa pertikaian atau isu-isu berkaitan dengan Hadiah hendaklah diuruskan antara Pemenang Terpilih dan Ejen Perkhidmatan.
- k) Setiap Pemenang Terpilih hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Bulanan sebulan bagi setiap Industri (sila rujuk Jadual 1) dan hanya layak memenangi satu (1) Hadiah Utama, tanpa mengambil kira bilangan penyertaan.

5. Terma dan Syarat Am

- a) Setiap Peserta yang Layak bersetuju untuk tertakluk kepada Terma ini dan keputusan yang dibuat oleh Bank; dan juga bersetuju dan membenarkan Biller yang Mengambil Bahagian untuk mendedahkan nama, nombor kad pengenalan (jika perlu), e-mel, nombor telefon dan alamat kepada pihak Bank untuk pihak Bank mendedahkan maklumat tersebut kepada Ejen Perkhidmatan (untuk tujuan penghantaran atau penebusan Hadiah), syarikat berkaitan dengan Bank, badan pengawal selia dan/atau mengikut keperluan undang-undang. Setiap Peserta yang Layak hendaklah juga pastikan bahawa mereka mempunyai alamat emel yang sah untuk tujuan notifikasi oleh Biller yang Mengambil Bahagian.
- b) Sebagai tambahan, Bank berhak untuk menyiarkan dan mengumumkan nama dan nombor kad pengenalan pemenang di laman web Biller yang Mengambil Bahagian dan/atau Bank atau dalam apa-apa cara yang diputuskan oleh Bank.
- c) Kegagalan Bank untuk menguatkuasakan terma dan/atau syarat tertentu tidak bermaksud penepian terma dan/atau syarat oleh Bank.
- d) Terma ini akan ditadbir oleh undang-undang Malaysia dan peraturan dan garis panduan Bank Negara Malaysia, dan badan-badan berkaitan yang lain, berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

- e) Bank boleh mengikut budi bicara mutlakanya mengubah atau meminda mana-mana terma dan syarat dengan pemberitahuan terlebih dahulu kepada Peserta yang Layak melalui e-mel atau dengan menyiarkan notis di setiap cawangan Bank atau dengan iklan dalam satu akhbar pilihan Bank, atau melalui laman web Bank atau apa-apa cara lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank mengikut budi bicara mutlakanya dan mana-mana cara yang tersebut di atas akan dianggap sebagai mengikat Peserta yang Layak dari tarikh pemberitahuan.
- f) Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada pihak Bank di [bizchannel@cimb.com] atau pusat panggilan [1 300 888 828].

Semua aduan oleh Peserta yang Layak berkaitan Kempen hendaklah dihantar kepada:-

*Jabatan Penyelesaian Aduan Pelanggan (CRU)
Tingkat 19, Menara Bumiputra Commerce
11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel: 1300-880-900
E-mel: CRU@cimb.com*

Bank hendaklah menghubungi semula Peserta yang Layak dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan aduan atau dalam apa-apa tempoh lain sebagaimana yang Bank boleh memaklumkan kepada Peserta yang Layak. Sekiranya pihak Bank tidak dapat menghubungi semula Peserta yang Layak dalam tempoh 14 hari, Bank akan memaklumkan kepada Peserta yang Layak secara bertulis mengenai keperluan lanjutan masa untuk memberi jawapan. Peserta yang Layak boleh merayu kepada pihak pengurusan kanan Bank atau kepada Ombudsman Kewangan / Biro Pengantaraan Kewangan, jika Peserta yang Layak tidak berpuas hati dengan keputusan aduan.

Jadual 1: Senarai Biller yang Mengambil Bahagian

SEKTOR INDUSTRI	NAMA BILLER YANG MENGAMBIL BAHAGIAN
(A) PENGENDALI BEKALAN AIR	<ol style="list-style-type: none"> 1. SYARIKAT AIR MELAKA BERHAD 2. SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN.BHD (SYABAS) 3. SIBU WATER BOARD 4. SYARIKAT AIR PERLIS 5. LEMBAGA AIR PERAK 6. LAKU MANAGEMENT SDN BHD
(B) INSTITUSI KEWANGAN BUKAN BANK	<ol style="list-style-type: none"> 1. PARKSON CREDIT SDN BHD 2. BERJAYA SOMPO INSURANCE BERHAD 3. SUN LIFE MALAYSIA ASSURANCE BERHAD 4. SUN LIFE MALAYSIA TAKAFUL BERHAD 5. TOYOTA CAPITAL MALAYSIA SDN BHD
(C) MAJLIS TEMPATAN DI SELURUH NEGARA	<ol style="list-style-type: none"> 1. MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG 2. MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN 3. PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG 4. MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG 5. MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR 6. MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU PERAK 7. MAJLIS PERBANDARAN KULAI 8. MAJLIS PERBANDARAN JASIN 9. MAJLIS DAERAH TANGKAK 10. PERBADANAN LABUAN 11. MAJLIS BANDARAYA MIRI 12. MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU 13. MAJLIS UGAMA ISLAM SABAH

Jadual 1: Senarai Biller yang Mengambil Bahagian (samb.)

SEKTOR INDUSTRI	NAMA BILLER YANG MENGAMBIL BAHAGIAN
<p>(D) PIHAK BERKUASA TEMPATAN SABAH</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. MAJLIS PERBANDARAN TAWAU 2. MAJLIS PERBANDARAN SANDAKAN 3. LEMBAGA BANDARAN KUDAT 4. MAJLIS DAERAH LAHAD DATU 5. MAJLIS DAERAH PENAMPANG 6. MAJLIS DAERAH KENINGAU 7. MAJLIS DAERAH BEAUFORT 8. MAJLIS DAERAH SEMPORNA 9. MAJLIS DAERAH KUNAK 10. MAJLIS DAERAH KINABATANGAN 11. MAJLIS DAERAH BELURAN 12. MAJLIS DAERAH TENON 13. MAJLIS DAERAH NABAWAN 14. MAJLIS DAERAH TAMBUNAN 15. MAJLIS DAERAH KUALA PENYU 16. MAJLIS DAERAH KOTA BELUD 17. MAJLIS DAERAH KOTA MARUDU 18. MAJLIS DAERAH RANAU 19. MAJLIS DAERAH TUARAN 20. MAJLIS DAERAH PAPAR 21. MAJLIS DAERAH SIPITANG 22. MAJLIS DAERAH PITAS 23. MAJLIS DAERAH PUTATAN

Jadual 2: Hadiah

	SEKTOR INDUSTRI	HADIAH BULANAN	HADIAH UTAMA
TEMPOH KEMPEN: 1HB SEPTEMBER 2016 – 31HB DISEMBER 2016			
(A)	PENGENDALI BEKALAN AIR	10 pemenang x telefon Samsung	<p>Baucar percutian bernilai</p> <p>Pertama : RM10,000</p> <p>Kedua: RM8,000</p> <p>Ketiga : RM5,000</p> <p>3 x Hadiah Sagu Hati: RM1,000</p>
(B)	INSTITUSI KEWANGAN BUKAN BANK	10 pemenang x telefon Samsung	<p>Baucar percutian bernilai</p> <p>Pertama : RM10,000</p> <p>Kedua: RM8,000</p> <p>Ketiga : RM5,000</p> <p>3 x Hadiah Sagu Hati: RM1,000</p>
TEMPOH KEMPEN: 1HB SEPTEMBER 2016 – 31HB MAC 2017			
(C)	MAJLIS TEMPATAN DI SELURUH NEGARA	10 pemenang x telefon Samsung	<p>Baucar percutian bernilai</p> <p>Pertama : RM10,000</p> <p>Kedua: RM8,000</p> <p>Ketiga : RM5,000</p> <p>3 x Hadiah Sagu Hati: RM1,000</p>
(D)	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (“PBT”) SABAH	10 pemenang x telefon Samsung	<p>Baucar percutian bernilai</p> <p>Pertama : RM10,000</p> <p>Kedua: RM8,000</p> <p>Ketiga : RM5,000</p> <p>3 x Hadiah Sagu Hati: RM1,000</p>